



Kenyataan Media

PERKHIDMATAN TELCO DI KAMPUNG SALANG, PULAU TIOMAN KINI PULIH

PULAU TIOMAN, 5 Januari 2026 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima aduan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Rompin, Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah; dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman, Dato' Sri Dr. Haji Mohd Johari bin Haji Hussain; serta penduduk kampung berkenaan gangguan perkhidmatan selular 2G dan 4G di Kampung Salang, Pulau Tioman, Pahang yang menjejaskan hampir 100 penduduk berikutan cuaca buruk yang melanda Pulau Tioman baru-baru ini.

Stesen pemancar selular di Kampung Salang yang diselia oleh pihak CelcomDigi menggunakan teknologi *Multi-Operator Core Network (MOCN)* telah mengalami kerosakan teruk dan menyebabkan perkhidmatan selular CelcomDigi, Maxis dan U Mobile di kampung tersebut terputus sejak 17 Disember 2025. Semakan MCMC mendapati, perkhidmatan jalur lebar tetap Unifi beroperasi seperti biasa. Secara keseluruhan, terdapat sembilan (9) stesen pemancar di Pulau Tioman dan semua pemancar ini beroperasi dengan baik kecuali di Kampung Salang.

Berdasarkan faktor keselamatan dan perkhidmatan feri yang terhad pada musim Monsun Timur Laut (MTL), pihak CelcomDigi hanya berjaya tiba di Pulau Tioman pada 31 Disember 2025 untuk melaksanakan kerja-kerja penggantian peralatan yang rosak. Perkhidmatan selular telah berjaya dipulihkan sepenuhnya pada 1 Januari 2026.

MCMC akan terus bekerjasama dengan agensi yang berkaitan seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk memberi bantuan kepada penyedia perkhidmatan dari aspek pengangkutan dan sokongan logistik khususnya pada musim Monsun Timur Laut.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV